

20/03/2000

Tindakan KM Melaka wajar buka mata pembangkang

Rahman Hashim

TINDAKAN berani Kerajaan Negeri Melaka mengeluarkan wang simpanan tetap berjumlah RM45 juta daripada Bumiputera Commerce Bank Berhad (BCB) dan Bank Islam Berhad, tidak harus dilihat daripada perspektif yang sempit.

Sebaliknya, keputusan itu sewajarnya diberi sanjungan dan menjadi contoh kepada semua pihak, supaya pembangkang memikirkan semula segala tindakan yang mereka lakukan selama ini.

Sesuai dengan motonya 'Melaka di mana segalanya bermula', tindakan yang dimulakan oleh Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, itu adalah yang pertama kali pernah dilakukan oleh mana-mana kerajaan negeri.

Menurut Mohd Ali, tindakan kerajaan negeri itu bertujuan menyedarkan pihak pengurusan kedua-dua bank itu supaya peka terhadap disiplin pekerja masing-masing, terutama menyokong pembangkang secara terbuka.

Adalah menjadi hak individu untuk menyokong mana-mana parti. Tetapi, dalam urusan seharian, tanggungjawab mereka adalah untuk meningkatkan perkhidmatan bank, bukannya menyebarkan fahaman politik.

Sebagai institusi kewangan, pihak bank mempunyai kuasa melalui Akta Bank dan Institusi Kewangan (Bafia) untuk mengawal pengurusan bank, termasuk tingkah laku pekerja masing-masing.

Bagaimanapun, kedua-dua bank ini gagal menggunakan akta yang ada untuk mengawal pekerja mereka, menyebabkan ada antara pekerja itu, tidak ragu-ragu memakai lencana parti pembangkang dan berkempen untuk pembangkang.

Mengikut rekod, kerajaan negeri dan agensinya, Perbadanan Ayer Melaka (PAM), masing-masing mempunyai simpanan tetap RM6 juta dan RM28 juta di BCB.

Manakala di Bank Islam pula, kerajaan negeri mempunyai simpanan tetap RM6 juta manakala PAM pula, RM5 juta.

"Buat apa kita tolong bank yang ternyata menyebelahi pembangkang. Baik wang simpanan tetap itu dipindahkan ke bank lain yang sentiasa menyokong kerajaan supaya mereka dapat melicinkan lagi operasi mereka," kata Mohd Ali.

Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir di Kedah baru-baru ini, bahawa kerajaan Pusat mungkin mengikut langkah kerajaan Melaka, terus memberi semangat baru kepada Mohd Ali untuk 'mengajar' penyokong pembangkang.

Walaupun, Mohd Ali hanya menyebut mengenai tindakan beberapa pekerja kedua-dua bank itu yang menyokong pembangkang secara terbuka, menyebabkan kerajaan mengambil tindakan itu, Dr Mahathir membuat pendedahan lain, iaitu mengenai sikap tidak amanah sesetengah pekerja bank yang tidak menyimpan rahsia pelanggan.

Perdana Menteri mendedahkan, ada pekerja bank membuat salinan terhadap cek yang mempunyai kepentingan kerajaan, kemudian disalurkan ke Internet, kononnya hendak membuktikan penyelewengan atau rasuah yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Penulis melayari beberapa laman web pembangkang yang dikatakan mempamerkan salinan cek itu tetapi gagal menemuinya, dipercayai sudah dipadamkan.

Menurut Mohd Ali, tindakan yang diambilnya adalah selepas mendapat ilham daripada kerajaan Terengganu yang bertindak memecat beberapa kakitangan kerajaan negeri dan penghulu yang menyokong BN.

"Tindakan ini bukanlah untuk membalas dendam, tetapi sekadar ingin menunjukkan kepada pembangkang apa yang boleh kerajaan BN lakukan terhadap

mereka," katanya lagi.

Sebelum tindakan yang akan diambil terhadap BCB dan Bank Islam didedahkan, kerajaan negeri juga sudah mengarahkan semua agensinya menamatkan kontrak mana-mana doktor panel yang jelas menyokong pembangkang.

Selain itu, kerajaan Melaka juga sudah menyenaraihitamkan 21 kontraktor yang mendapat kontrak kerajaan tetapi menjadi penyokong setia pembangkang.

Difahamkan kerajaan negeri juga akan mengambil tindakan yang serupa terhadap beberapa firma guaman, juruukur dan arkitek binaan.

Di samping itu, kerajaan negeri juga sudah menulis kepada beberapa agensi kerajaan Pusat seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Petronas dan Perkeso, supaya mengambil langkah yang sama.

Sudah menjadi tabie, setiap perkara atau benda ada lawannya, begitulah juga dengan tindakan Melaka ini, yang mendapat bantahan dan kritikan pedas daripada pembangkang, iaitu DAP, Keadilan dan Pas.

Tindakan pembangkang atau mereka yang antikerajaan, tidak ubah seperti kacang lupakan kulit tetapi pada masa yang sama, janganlah mereka terbawa-bawa dengan pepatah 'kancil sentiasa lupakan jerat tetapi jerat tidak pernah melupakan kancil.

Apa tidaknya, pembangkang akan sentiasa lupa terhadap tindakan yang mereka lakukan, lebih-lebih lagi jika membabitkan tindakan yang begitu kontroversi sehingga menggugat kesabaran kerajaan.

Contohnya, ialah mengadakan demonstrasi haram, memainkan isu yang boleh menggugat perpaduan kaum dan mengadakan pelbagai `fatwa' sehingga memecahbelahkan perpaduan sesama Islam.

Sehubungan itu, semua pihak, khususnya pembangkang, perlu menilai semula diri mereka dan cuba bandingkan apa yang mereka miliki sekarang dengan masa 10 atau 20 tahun lalu.

Semoga mereka akan menjadi insan yang sentiasa bersyukur dan kembali ke pangkal jalan selepas tersesat di pertengahan jalan.

(END)